

# USIM diberi tanggungjawab urus SPADA

**Nilai:** Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diberi tanggungjawab menguruskan Program Kepakaran Dalam Penyalahgunaan Alkohol dan Dadah (SPADA) yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan pada tahun 2005.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata pemilihan ACREDA USIM bersesuaian dengan peranannya sebagai pusat rujukan berkaitan isu penyalahgunaan dadah melalui aktiviti penyelidikan, penerbitan, latihan dan perkhidmatan.

## Kongsi hasil penemuan

"Berdasarkan pencapaian ACREDA setakat ini, saya yakin keupayaan pusat itu untuk menjadi institusi penyelidikan, perkhidmatan perundingan, penulisan, penerbitan, latihan berkaitan dengan penyalahgunaan dadah bertaraf nasional dan serantau yang terkemuka dan berwibawa serta dikenali," katanya.



Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Pencegahan dan Pemulihan Dadah Antarabangsa (PREVENT) 2014 di USIM, baru-baru ini.

Bertema Pendekatan Bersepadu dalam Pencegahan dan Pemulihan Penyalahgunaan Dadah, PREVENT 2014 menyediakan platform untuk pakar penyelidik, pengamal perubahan dan pensyarah berbincang dan berkongsi hasil penemuan terbaharu yang dapat membantu masyarakat menangani masalah penyalahgunaan dadah.